



The Observer

12.08.2022

❖ Tinjauan pasaran IPO Bursa Malaysia di tengah-tengah pergolakan ekonomi global

Sepintas lalu, unjuran yang menyatakan 2022 menjadi tahun yang memberangsangkan bagi tawaran awam permulaan (*initial public offering, IPO*) di bursa tempatan nampaknya telah tersasar apabila mengambil kira pertumbuhan ekonomi global. Ketegangan geopolitik berikutan konflik Rusia-Ukraine menjurus kepada tekanan inflasi di seluruh dunia dan mencetuskan kebimbangan berlakunya kemelesetan ekonomi.

Bursa Malaysia tidak menjangkakan sebarang kelewatan dalam penyenaian syarikat pada 2022 biarpun dalam persekitaran mengelak risiko yang disebabkan oleh tindakan Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (Fed) menaikkan kadar faedah selain cabaran luar lain.

Sebaliknya, bursa dijangka menyaksikan sejumlah 37 IPO pada 2022 berbanding 30 pada 2021, terutamanya didorong oleh peningkatan penyenaian di Pasaran ACE susulan pembukaan semula ekonomi. Untuk rekod, tahun 2020 dan 2019 masing-masing menyaksikan hanya 19 dan 30 penyenaian baharu.

Setakat 9 Ogos tahun ini, Bursa Malaysia menyaksikan 23 penyenaian baharu, yang mana 16 daripadanya disenaraikan di Pasaran ACE, tiga disenaraikan di Pasaran Utama dan empat lagi di Pasaran LEAP.

Melainkan satu-satu IPO itu cukup besar sehingga memerlukan tawaran antarabangsa, Bursa tidak menjangkakan kelewatan ketara dalam penyenaian syarikat-syarikat ini memandangkan terdapat mudah tunai yang cukup dalam pasaran untuk menyokong penawaran domestik.

Bagi tempoh 1 Januari hingga 13 Julai tahun ini, Bursa menyaksikan sejumlah 20 penyenaian baharu yang melibatkan pengumpulan kira-kira RM2.3 bilion. Tambahan modal pasaran yang disumbangkan oleh 20 syarikat yang baru disenaraikan itu berjumlah kira-kira RM7.3 bilion (sehingga 13 Julai 2022). Cadangan IPO bagi tempoh berbaki tahun ini juga kekal kukuh, menurut Bursa Malaysia.

Mengikut jumlah IPO yang diluluskan dan menunggu penyenaian serta bilangan draf prospektus pendedahan di kedua-dua laman sesawang Bursa Malaysia dan

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sekurang-kurangnya lima lagi penyenaaraian dijangka dilaksanakan menjelang akhir tahun ini.

Bursa Malaysia percaya prospek dan momentum bagi IPO baharu ini kekal menggalakkan sepanjang tahun 2022, terutama dalam bidang utama iaitu teknologi, pengguna, penjagaan kesihatan, perniagaan halal dan/ atau yang mematuhi unsur alam sekitar, sosial dan tadbir urus korporat (*environmental, social and corporate governance, ESG*).

Ulasan penyenaaraian kali pertama

Penilaian sekali imbas terhadap 23 IPO (sehingga 9 Ogos) menunjukkan prestasi yang bercampur-campur kepada suam-suam kuku dan didominasi oleh kaunter permodalan kecil. Ini terbukti apabila 87% daripada penyenaaraian baharu atau 16 IPO disenaraikan di Pasaran ACE dan sementara 4 IPO disenaraikan di Pasaran LEAP. Hanya tiga IPO disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia (rujuk jadual di bawah).

Nama syarikat	Tarikh IPO	Pasaran	Harga IPO	Harga pada 9 Ogos 2022	Perubahan (%)
Coraza Integrated Technology Bhd	6 Jan 2022	Pasaran ACE	28 sen	74 sen	+164.3%
Senheng New Retail Bhd	25 Jan 2022	Pasaran Utama	RM1.07	62.5 sen	-41.6%
SIAB Holdings Bhd	28 Feb 2022	Pasaran ACE	30 sen	17 sen	-43.3%
Ray Go Solar Holdings Bhd	11 Mac 2022	Pasaran LEAP	12 sen	14 sen	+16.7%
Farm Fresh Bhd	22 Mac 2022	Pasaran Utama	RM1.35	RM1.66	+22.9%
Pappajack Bhd	1 April 2022	Pasaran ACE	30 sen	47 sen	+56.7%
Cengild Medical Bhd	18 April 2022	Pasaran ACE	33 sen	43.5 sen	+31.8%
MN Holdings Bhd	28 April 2022	Pasaran ACE	21 sen	21 sen	Tidak berubah
Cnergenz Bhd	24 Mei 2022	Pasaran ACE	58 sen	63.5 sen	+9.5%
Yew Lee Pacific Group Bhd	7 Jun 2022	Pasaran ACE	28 sen	26.5 sen	-5.4%
LGMS Bhd	8 Jun 2022	Pasaran ACE	50 sen	91.5 sen	45.36%
Unitrade Industries Bhd	14 Jun 2022	Pasaran ACE	32 sen	25.5 sen	-20.3%
SFP Tech Holdings Bhd	20 Jun 2022	Pasaran ACE	30 sen	94 sen	+213.3%
Snowfit Group Bhd	21 Jun 2022	Pasaran LEAP	12 sen	20 sen	+66.7%
YX Precious Metals Bhd	23 Jun 2022	Pasaran ACE	28 sen	20.5 sen	-26.8%
CC International Bhd	28 Jun 2022	Pasaran LEAP	26 sen	45 sen	+73.1%
Orgabio Holdings Bhd	5 Julai 2022	Pasaran ACE	31 sen	30 sen	-3.2%
DSR Taiko Bhd	6 Julai 2022	Pasaran LEAP	30 sen	94 sen	+213.3%
Seng Fong Holdings Bhd	7 Julai 2022	Pasaran Utama	75 sen	75 sen	Tidak berubah
Infoline Tec Group Bhd	13 Julai 2022	Pasaran ACE	32 sen	34.5 sen	+7.8%
Ecoscience International Bhd	18 Julai 2022	Pasaran ACE	30 sen	28 sen	-6.7%

Umedic Group Bhd	26 Julai 2022	Pasaran ACE	32 sen	51.5 sen	+60.9%
Unique Fire Holdings Bhd	5 Ogos 2022	Pasaran ACE	26 sen	24.5 sen	-5.8%

Sumber: Bursa Malaysia

Daripada 23 IPO, 13 syarikat berjaya meraih keuntungan (yang menyaksikan peningkatan harga berbanding harga IPO mereka), lapan syarikat rugi (harga lebih rendah daripada harga IPO) manakala dua IPO tidak berubah (kali terakhir didagangkan pada harga IPO).

Daripada tiga syarikat yang memulakan dagangan sulungnya di Pasaran Utama setakat ini, peruncit produk elektrik dan elektronik pengguna, Senheng New Retail Bhd mengalami kerugian terbesar apabila harga sahamnya menyusut 41.6% kepada 62.5 sen, berbanding harga IPOnya iaitu RM1.07.

Satu-satunya syarikat yang mencatatkan keuntungan ialah pengeluar produk tenusu bersepadu, Farm Fresh Bhd yang harga sahamnya meningkat 22.9% kepada RM1.66 daripada harga IPOnya iaitu RM1.35. Satu lagi kaunter Pasaran Utama, Seng Fong Holdings Bhd yang terlibat dalam perdagangan, pemprosesan dan penjualan produk getah, harga sahamnya tidak berubah pada 75 sen.

Daripada syarikat yang memulakan dagangan sulung di Pasaran ACE, tiga syarikat dengan prestasi terbaik ialah SFP Tech Holdings Bhd (melonjak 213.3% kepada 94 sen daripada harga IPO 30 sen), Coraza Integrated Technology Bhd (naik 164.3% kepada 74 sen daripada harga IPO 28 sen) dan Umedic Group Bhd (meningkat 60.9% kepada 51.5 sen daripada harga IPO 32 sen).

Menariknya, tiga pemain terbaik Pasaran ACE berada dalam perniagaan yang dipacu oleh teknologi. SFP Tech dan Coraza adalah penyedia perkhidmatan sokongan kejuruteraan dalam bidang penyelesaian peralatan automasi, pemasangan modular mekanikal dan bersepadu serta pembuatan kepingan logam dan komponen yang dimesin tepat.

Sementara itu, Umedic Group terlibat dalam pemasaran, pengedaran dan pembuatan peranti perubatan yang unik dan penting, antaranya mesin ultrabunyi, pemampat dada tiga dimensi (3D) berkuasa elektrik dan sistem pensampelan darah arterial, sekadar menamakan beberapa produk.

Daripada empat kaunter yang disenaraikan di Pasaran LEAP setakat ini, kesemuanya kini didagangkan pada harga yang lebih tinggi daripada harga IPO mereka.

Dua syarikat yang memulakan penampilan sulung dengan prestasi terbaik ialah penanam/ pengeluar durian bersepadu, DSR Taiko Bhd yang mencatatkan lonjakan 213.3% kepada 94 sen (daripada harga IPO 30 sen) diikuti oleh penyedia perkhidmatan profesional pelbagai disiplin, CC International Bhd (meningkat 73.1% kepada 45 sen daripada harga IPO 26 sen).

Dalam tempoh terdekat, dua lagi IPO dijadualkan untuk penyenaaran di Pasaran ACE pada 18 Ogos iaitu Agmo Holdings Bhd dan SNS Network Technology Bhd, masing-masing pada harga 26 sen dan 25 sen.

Tinjauan pasaran serantau

Menurut Trend IPO Global EY, rantau Asia-Pasifik menyaksikan 181 IPO yang menjana hasil berjumlah AS\$23.3 bilion pada suku kedua 2022, dengan 367 IPO mengumpul hasil berjumlah AS\$66 bilion setakat Jun 2022. Bilangan IPO dan hasil yang diperolehi menyusut 28% dan 14% masing-masing berbanding tempoh yang sama sebelum ini.

Sementara itu, negara-negara ASEAN menyaksikan 54 IPO yang menjana sejumlah AS\$2.4 bilion, turun 2% tahun ke tahun dalam jumlah urus niaga dan 55% dalam hasil. Penurunan yang ketara dalam hasil IPO ASEAN adalah disebabkan oleh kekurangan IPO mega (IPO dengan hasil yang sama atau lebih besar daripada AS\$1 bilion) pada 2022 berbanding tiga IPO mega pada tahun sebelum ini yang mengumpul AS\$3.9 bilion.

Bursa Saham Indonesia (IDX) ialah bursa paling aktif di rantau ini mengikut nombor urus niaga dan hasil (22 IPO, AS\$1.3 bilion) dan menyaksikan penyenaiaan IPO unicorn iaitu PT GoTo Gojek Tokopedia Tbk yang melibatkan amaun berjumlah AS\$957 juta. Sementara itu, Bursa Singapura menyaksikan IPO syarikat perolehan tujuan khas (*special purpose acquisition company*, SPAC) pertamanya pada Januari (tiga IPO SPAC mengumpul AS\$334 juta pada separuh pertama 2022).

Menurut pakar, prestasi IPO Asia-Pasifik pada separuh pertama 2022 dipengaruhi oleh tekanan makroekonomi seperti perang Rusia-Ukraine, peningkatan kadar inflasi dan ketegangan AS-China.

Namun begitu, siri perkembangan ekonomi yang positif serta dasar baharu kerajaan di China sepatutnya mewujudkan keyakinan baharu dan kebangkitan semula aktiviti IPO di seluruh rantau Asia Pasifik untuk tempoh berbaki tahun ini.

Melangkah ke suku ketiga 2022, EY menyatakan bahawa IPO mega yang ditangguhkan pada separuh pertama tahun 2022 sepatutnya mewakili urus niaga yang sihat apabila ketidakpastian dan turun naik semasa berkurangan tidak lama lagi.

Walau bagaimanapun, tekanan yang kuat daripada ketidakpastian semasa dan turun naik pasaran mungkin berterusan. Ini termasuk tekanan geopolitik, faktor makroekonomi, prestasi pasaran modal yang lemah dan kesan daripada pandemik yang berlarutan terhadap sektor pengembaraan global dan yang berkaitan dengannya.

Sektor teknologi berkemungkinan akan terus menjadi sektor peneraju dari segi bilangan tawaran yang memasuki pasaran. Bagaimanapun, dengan tumpuan yang lebih besar terhadap sumber tenaga boleh baharu dalam menghadapi kenaikan harga minyak, sektor tenaga dijangka terus mendahului dengan hasil daripada urus niaga yang lebih besar.

Di tempat-tempat lain, ESG terus menjadi tema utama untuk pelabur dan calon IPO. Apabila perubahan iklim global dan kekangan bekalan tenaga semakin meningkat, syarikat yang memasukkan pertimbangan ESG ke dalam strategi, perniagaan dan operasi mereka seharusnya menarik lebih ramai pelabur serta mendapat penilaian yang lebih baik.

Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 15 hingga 20 Ogos 2022

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my

Tarikh dan Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
16.08.22 (Selasa) 11.00 pagi	BSL Corporation Berhad (EGM)	BSL Corp mencadangkan untuk menerbitkan 2.35 bilion saham hak bersama sehingga 981.04 juta waran percuma berdasarkan 12 saham hak bersama 5 waran percuma bagi setiap 2 saham sedia ada yang dipegang oleh pemegang saham. Penerimaan yang diperoleh akan digunakan untuk mengembangkan perniagaan pembuatan, menaik taraf kemudahan dan teknologi sedia ada, serta sebagai modal kerja.
18.08.22 (Khamis) 10.00 pagi	AMMB Holdings Berhad (AGM)	Selepas menahan pembayaran dividen selama setahun, AMMB kembali membayar dividen pada tahun kewangan 2022 dengan dividen sesaham sebanyak 5 sen. Namun, nisbah pembayaran dividennya sebanyak 11% masih jauh di bawah paras prapandemik iaitu antara 30% dan 40%. Tahap pembayaran ini juga adalah yang paling rendah berbanding rakan perbankan yang lain. Perhatian kini ditumpukan terhadap lembaga pengarah dan pihak pengurusan untuk mengembalikan pembayaran dividen ke tahap sebelum pandemik.
18.08.22 (Khamis) 10.00 pagi	Cocoaland Holdings Berhad (CCM)	Cocoaland akan mengemukakan cadangan penswastaaan oleh F&N Holdings Bhd kepada para pemegang sahamnya untuk dipertimbangkan pada mesyuarat

		yang telah dipersetujui oleh mahkamah ini. F&N mencadangkan untuk menswastakan syarikat bersekutu 27.66% miliknya iaitu Cocoland dengan memperoleh baki 72.34% saham Cocoland yang tidak dimilikinya pada harga RM488.15 juta tunai atau RM1.50 sesaham.
18.08.22 (Khamis) 10.00 pagi	ELK-Desa Resources Berhad (AGM)	<p>Prestasi ELK-Desa bagi tahun kewangan 2022 terus terjejas akibat pandemik COVID-19. Pendapatan dan keuntungan bersihnya masing-masing menyusut 10% dan 27%. Dari segi kualiti aset, nisbah pinjaman terjejas kasar merosot kepada 9.9% daripada 4.9% sebelum ini.</p> <p>Syarikat mensasarkan untuk terus mengembangkan portfolio penghutang sewa beli secara beransur-ansur ke tahap prapandemik dan pada masa yang sama mengambil langkah berhati-hati untuk mengekalkan kualiti aset.</p>
20.08.22 (Sabtu) 11.00 pagi	SCGM Bhd (EGM)	<p>SCGM bercadang untuk melepaskan anak syarikat milik penuhnya iaitu Lee Soon Seng Plastic Industries Sdn Bhd dengan harga RM544.38 juta kepada Mitsui & Co. dan FP Corporation.</p> <p>Jika urusan niaga ini mendapat lampu hijau daripada pemegang saham, pemegang saham akan menerima RM2.21 sesaham daripada cadangan pengurangan modal dan pelaksanaan pembayaran balik serta cadangan pelaksanaan dividen khas.</p>

Perkara penting untuk diketengahkan:

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diketengahkan
BSL Corporation Berhad (EGM)	Berdasarkan Tahap Langganan Minimum dan Aku janjinya, Syarikat berhasrat untuk mengumpul sekurang-kurangnya RM10 juta daripada Cadangan Terbitan Hak bersama Waran untuk memenuhi keperluan pembiayaan Kumpulan (Halaman 8, Pekeliling bertarikh 1 Ogos 2022 ("Pekeliling")).

	<p>Di bawah Senario Minimum, terimaan berjumlah RM10 juta akan digunakan untuk pengembangan perniagaan pembuatan (Halaman 15 Pekeliling).</p> <p>Merujuk keputusan yang disatukan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2022 dalam laporan suku tahunan BSLCORP, Kumpulan mempunyai baki tunai dan bank ('baki tunai') sebanyak RM41.4 juta.</p> <p>a) Berapakah baki tunai semasa Kumpulan? Mengapakah Kumpulan tidak mempertimbangkan untuk menggunakan baki tunai ini untuk membiayai pengembangan perniagaan pembuatan, yang dianggarkan menelan belanja RM26.0 juta di bawah Senario Kes Asas?</p> <p>b) Berdasarkan keputusan yang disatukan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Mei 2022 dalam laporan suku tahunan BSLCORP, Kumpulan mempunyai nisbah penggearan yang rendah iaitu 0.08 kali. Mengapakah Syarikat tidak menggunakan pinjaman bank untuk membiayai keperluan pembiayaan seperti yang dinyatakan dalam halaman 15 Pekeliling dan bukannya melalui Cadangan Terbitan Hak? Adakah Lembaga Pengarah mempertimbangkan untuk mengoptimumkan struktur modal bagi memaksimumkan nilai pasaran Syarikat?</p>
<p>AMMB Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>Bank telah membuat peruntukan berjumlah RM746.8 juta untuk pendedahan pinjamannya kepada sektor minyak dan gas (<i>oil and gas</i>, O&G) dan jumlah ini termasuk dalam caj rosot nilai bersih. (Halaman 54, Laporan Bersepadu 2022).</p> <p>a) Mengikut ramalan Bank, adakah akaun O&G yang terjejas memerlukan peruntukan tambahan pada masa hadapan? Sila berikan peratus perlindungan terkini yang diberikan terhadap jumlah pendedahan pinjaman O&G.</p> <p>b) Apakah perkembangan terkini dua penghutang O&G yang menstrukturkan semula hutang mereka di bawah skim pengaturan masing-masing?</p>
<p>ELK-Desa Resources Berhad (AGM)</p>	<p>Margin keuntungan bersih untuk segmen sewa beli (<i>hire purchase</i>, HP) menyusut kepada 28.5% pada tahun kewangan 2022, merupakan yang terendah dalam tempoh lima tahun yang lalu (Halaman 2, Laporan Tahunan 2022). Sebelum ini, margin keuntungan bersihnya adalah sekitar 32% hingga 38%.</p> <p>a) Adakah Kumpulan meramalkan pemulihan dalam keuntungannya pada masa terdekat?</p> <p>b) Adakah dengan meningkatkan jumlah pinjaman bagi setiap penyewa dapat meningkatkan keuntungan perniagaan sewa beli?</p>

	c) Nisbah kos kepada pendapatan semasa syarikat untuk segmen sewa beli adalah tinggi iaitu 29.4%. Justeru, apakah bahagian yang boleh dilaksanakan pengoptimuman kos selanjutnya?
--	---

PEMANTAUAN KORPORAT MSWG

Devanesan Evanson, Ketua Pegawai Eksekutif, (devanesan@mswg.org.my)
Rita Foo, Ketua, Pemantauan Korporat, (rita.foo@mswg.org.my)
Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat, (norhisam@mswg.org.my)
Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat, (chee.meng@mswg.org.my)
Elaine Choo Yi Ling, Pengurus, Pemantauan Korporat, (elaine.choo@mswg.org.my)
Lim Cian Yai, Pengurus, Pemantauan Korporat, (cianyai@mswg.org.my)
Ranjit Singh, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ranjit.singh@mswg.org.my)
Ooi Beng Hooi, Pengurus, Pemantauan Korporat, (ooi.benghooi@mswg.org.my)
Jackson Tan, Pengurus, Pemantauan Korporat, (jackson@mswg.org.my)

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

- *Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam surat berita ini.*

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian surat berita ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam surat berita ini atau jika ianya diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan surat berita ini.